

14 MAR 1998

Mahathir-Kesatuan

MALAYSIA SEDIA KAJI CADANGAN KESATUAN EKONOMI MALAYSIA-SINGAPURA

KUALA SELANGOR, 14 Mac (Bernama) -- Malaysia hari ini menyatakan hasrat untuk mengkaji dengan lebih lanjut cadangan Singapura menubuhkan kesatuan ekonomi dengan negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan itu tidak pernah dibincangkan oleh pemimpin kedua-dua negara sebelum ini.

"Ini cadangan daripada mereka dan kita tidak menolak, tetapi kita mahu tahu dengan lebih lanjut lagi," katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor di sini.

Semalam Menteri Luar Singapura Prof S. Jayakumar berkata Singapura bersedia menimbangkan cadangan untuk mengadakan kesatuan ekonomi dengan Malaysia.

Ketika menjawab soalan anggota pembangkang Singapura Chiam See Tong pada persidangan Parlimen republik itu, Jayakumar berkata untuk menjayakan kesatuan ekonomi itu memerlukan kesungguhan kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata beliau belum tahu lagi apakah bentuk kesatuan ekonomi yang dicadangkan itu.

Ia mungkin dalam bentuk kesatuan mata wang atau hanya kesatuan ekonomi.

"Tapi semua ini kita kena kaji sama ada boleh dilaksanakan ataupun tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa terbuka kepada sebarang cadangan terutama yang boleh membantu negara-negara rantau ini.

--BERNAMA

AH RON